

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN  
AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA  
SELANGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan  
negara untuk mengadakan Pilihan Raya Umum atau pun Pilhan Raya  
Kecil.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15. Ini adalah penting bagi memastikan pengendalian perjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19.

SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia, latihan kepada petugas, Garis Panduan COVID-19 bagi Pelaksanaan Pilihan Raya dan juga aspek-aspek lain yang berkaitan. Persediaan ini turut mengambil kira keperluan pertambahan bilangan pemilih dengan mengambilkira pelaksanaan Undi 18 secara automatik yang dijangka meningkat sebanyak 500 ribu setahun.

SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi ini akan dilaksanakan oleh SPR dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen 7 (2) Akta Pilihan Raya 1958. SPR akan memastikan pewujudan pusat-pusat mengundi baharu ini akan memudahkan pemilih untuk keluar mengundi pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.